

# Rombakan mendadak jejakkan transformasi Angkasa

KUALA LUMPUR 20 Jun - Pelaksanaan proses transformasi Angkasa Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dikhuatiri akan terencat sekiranya segala keputusan yang dibuat dirombak secara mendadak.

Timbalan Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sesiapa sahaja yang diberi mandat untuk menerajui badan puncak koperasi negara itu mesti meneruskan perancangan yang diatur oleh kepimpinan terdahulu.

Menurut beliau, Angkasa berbeza dengan organisasi perniagaan yang lain kerana setiap keputusan dicapai secara persetujuan bersama dan demokratik.

“Sama ada transformasi dari segi perniagaan atau pembangunan sosial, memang telah kita putuskan bersama.

“Kalau hendak rombak semua yang kita lakukan dari dahulu, tindakan itu seperti tiada sama-

ngat demokrasi,” katanya dalam sidang akhbar di Wisma Ungku A. Aziz, Kelana Jaya dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Presiden Angkasa, Prof. Datuk Dr. Mohd. Ali Baharum.

Abdul Fattah merupakan salah seorang daripada lima calon yang diumumkan Mohd. Ali akan bertanding untuk mengisi jawatan Presiden Angkasa dalam Persidangan Kebang-

saan Tahunan Angkasa Ke-29 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), 22 Jun ini.

Empat calon lain ialah Datuk Jamal Abdullah (Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad); Dr. Ariffin Mansor (Koperasi Maahad Tahfiz Tijarah Gombak Berhad); Mohd. Said Mohd. Kadis (Koperasi Kedai Buku Universiti Malaya Berhad) dan Abd. Latip Ismail (Koperasi Pulara Perak Berhad).

Sekiranya diberi mandat seba-

gai Presiden Angkasa, Abdul Fattah bertekad meneruskan perancangan sedia ada sambil melakukan penambahbaikan jika perlu serta memikirkan idea-idea baharu bagi memperkasakan peranan Angkasa, khususnya di peringkat global.

Beliau yang juga Pengerusi Pekebun Kecil Daerah Lipis Berhad mula berkecimpung dalam Angkasa sebagai Naib Yang Dipertua pada 2006 sebelum dilantik menjadi Timbalan Presiden mulai 2009.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Diploma Profesional Keusahawanan dan Pengurusan Perniagaan Universiti Malaya itu juga merupakan Ahli Lembaga Pertubuhan Koperasi ASEAN (ACO).

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Tengku, Pahang itu turut menyandang jawatan Pengerusi Tetap Pergerakan Pemuda UMNO dan Pengerusi Tetap Alumni Gerakan Belia 4B Malaysia.



**ABDUL FATTAH**